

**PARLIMEN: Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan Sedia Langkah Cegah Jenayah Kewangan
Bernama
27 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Rang Undang-Undang Perkhidmatan Kewangan 2012 akan menyediakan langkah pencegahan berwibawa terhadap jenayah kewangan dan amalan yang tidak sihat, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Awang Adek Hussin.

Semasa membentangkan rang undang-undang itu untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat Selasa, beliau berkata langkah tersebut dilakukan melalui kuantum penalti monetari jenayah yang dikaji semula daripada had maksimum semasa sebanyak RM10 juta kepada RM50 juta.

"Kuantum penalti sebenar yang dikenakan bagi setiap kesalahan jenayah akan terus bergantung pada budi bicara mahkamah," katanya.

Awang Adek berkata langkah pencegahan itu turut membabitkan peruntukan instrumen penguatkuasaan yang lebih luas untuk menyokong langkah penguatkuasaan lebih berkesan dan tepat pada masanya.

Pelaksanaan itu sepadan dengan impak dan tahap ketidakpatuhan, termasuk penalti pentadbiran serta tindakan sivil, katanya.

Awang Adek juga berkata rang undang-undang itu merupakan akta baharu yang menggabungkan empat perundangan sedia ada, iaitu Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, Akta Insurans 1996, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

Beliau berkata ia bertujuan menyediakan rangka kerja perundangan yang lebih seragam bagi mengawal selia sektor perbankan konvensional, insurans dan sistem pembayaran.

"Selain itu, rang undang-undang juga mencerminkan pendekatan semasa pengawalan dan penyeliaan oleh Bank Negara yang lebih menggalakkan pencegahan awal, tertumpu pada risiko dan bersepadu.

"Kesemua ini bertujuan menggalakkan kestabilan kewangan yang merupakan prasyarat penting bagi pembangunan yang mampan," katanya.

Persidangan Dewan Rakyat kemudian meluluskan rang undang-undang itu.

Persidangan Dewan Rakyat bersambung esok.

-- BERNAMA